



# **MAJLIS PERASMIAN TSB RTP PADANG BESAR, MUKIM JENERI, SIK, KEDAH DARUL AMAN**

## **UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM TAMBY CHIK  
PENGERUSI RISDA**

DEWAN SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG CHICHAR,  
SIK, KEDAH  
15 JULAI 2009  
2.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan  
Ketua Pengarah RISDA

Yang Dihormati Tn. Hj. Azmi bin Mohamad  
Pengarah RISDA Negeri Kedah

Yang Dihormati Tn Hj. Hussaini bin Hj. Ahmad  
Pengerusi TSB RTP

Pegawai - Pegawai RISDA

Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan peserta TSB RTP Padang Besar  
yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Perasmian TSB RTP Padang Besar, Sik, Kedah. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan ribuan terima kepada Pengurusan RISDA khususnya RISDA Negeri Kedah atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Majlis pada hari ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan

3

kedatangan semua peserta-peserta TSB serta pekebun kecil ke Majlis ini. Sokongan padu Tuan-Tuan dan Puan-Puan amat dihargai.

## **2.0 TANAM SEMULA BERKUMPULAN**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan kerana telah berjaya menyertai Program Tanam Semula secara Berkumpulan yang sangat digalakkan oleh RISDA. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kebaikan pendekatan Tanam Semula Berkumpulan. Tanam Semula Berkumpulan adalah kaedah pengurusan pembangunan

4

di mana kebun-kebun berdekatan digabungkan untuk di tanam semula secara berkelompok. Terdapat tiga model pembangunan Tanam Semula Berkumpulan iaitu **Tanam Semula Berkelompok (TSB), Tanam Semula Komersial (TSK) dan Mini Estet**. Disini, Tuan-Tuan dan Puan-Puan telah memilih untuk menanam semula secara TSB atau Tanam Semula Berkelompok.

Pengurusan kebun secara berkumpulan di beri penekanan dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan kebun melalui ekonomi bidangan dan penggunaan teknologi terkini dari peringkat pembangunan sehingga pengeluaran hasil.

5

### **3.0 INSENTIF TANAM SEMULA BERKUMPULAN**

Dalam usaha mempergiatkan lagi pelaksanaan projek berkumpulan, **pakej insentif disediakan mengikut peringkat pembangunan, penghasilan dan getah tua**. Insentif di beri untuk menggalakkan penyertaan pekebun kecil dalam projek berkumpulan.

**Insentif- insentif** yang disediakan untuk peserta dan projek yang diuruskan secara berkumpulan adalah:

6

**a. Infrastruktur dalam kebun**

Kemudahan asas seperti jalan pertanian, jambatan, parit dan pembentung akan disediakan kepada peserta projek bagi memudahkan pengangkutan input pertanian dan hasil. Di TSB ini, RISDA telah menyediakan Jalan dan pembentung

**b. Bantuan Tanah Kosong**

Bantuan tanah kosong ini di beri sehingga 30% kepada lot-lot yang tidak mengandungi getah tua dimana kedudukannya tersepit dalam kawasan projek berkelompok yang telah dikenalpasti.

7

**c. Bantuan tabung pelancaran**

Bantuan tabung pelancaran diberikan kepada Jawatankuasa Projek Tanam Semula Berkumpulan yang baru ditubuh, Program Penyatuan dan Pemantapan kebun matang. Nilai pemberian bergantung kepada luas kawasan projek yang dibangunkan dan dimantapkan. Nilai bantuan adalah:

- 0 – 40 hektar – RM 1,000.00/projek
- 41 – 80 hektar – RM 2,000.00/projek
- > 80 hektar - RM 3,000.00/projek

8

Pada hari ini, oleh kerana luas TSB RTP ini adalah 230.9029 hektar, saya difahamkan RISDA akan menyampaikan Bantuan Tabung Pelancaran ini sejumlah RM 3,000.00.

**d. Bantuan Premium Tanah**

Bantuan premium tanah di beri bagi tujuan mendapatkan hakmilik tanah untuk membolehkan pekebun kecil menyertai program tanam semula.

9

**e. Latihan Pengurusan Ladang**

Latihan Pengurusan Ladang dan pembangunan minda insan di beri kepada Jawatankuasa Projek dan peserta yang terpilih.

**f. Bantuan Projek Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)**

Bantuan ini di beri kepada peserta yang layak sementara menunggu kebun mereka berhasil. Aktiviti yang digalakkan adalah seperti tanaman kontan dan ternakan secara integrasi dalam kebun. Di TSB ini, saya difahamkan tanaman kontan yang dilaksanakan adalah padi huma, tembikai dan sayur-sayuran.

#### **g. Bantuan Pemulihan Kebun**

Bantuan ini disediakan bagi memulihkan kebun yang rosak akibat bencana alam dan serangan musuh tanaman.

#### **h. Bantuan Input Pertanian**

Bantuan input pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil di bawah program peningkatan produktiviti getah (PPG) seperti baja, racun dan alat rangsangan (LITS).

11

#### **i. Sistem Pemasaran Berkelompok**

Kemudahan Pusat Timbang dan Stor (PTS) dan Depo di sediakan kepada pekebun kecil yang menjualkan hasil getah/sawit secara berkelompok. **Urusan jualan hasil dapat diselaraskan dengan baik melalui sistem tender atau sebutharga supaya mendapat harga yang terbaik. Setakat tahun ini, RISDA telah melaksanakan 255 buah Depo dan 48 buah PTS di seluruh negara. Di TSB ini juga, RISDA telah mengadakan satu Pusat Pengumpulan getah.**

12

#### **4.0 GETAH CREPE**

Bagi meningkatkan nilai tambah hasil getah, RISDA telah melangkah setapak lagi usahanya dalam memproses hasil keluaran getah skrap pekebun kecil menjadi getah Crepe.

Getah Crepe adalah proses pertama getah skrap untuk dijadikan getah Standard Malaysian Rubber (SMR). Setelah diproses, getah crepe yang dihasilkan mempunyai kualiti yang lebih baik, bersih serta mempunyai kandungan getah kering yang tinggi (KGK).

Getah Crepe dapat dipasarkan dengan lebih mudah dengan harga yang lebih tinggi kerana kualitinya adalah lebih baik serta kadar diskaun yang rendah dan KGK yang tinggi. Disamping itu, pelesen-pelesen tempatan digalakkan memberi harga yang lebih baik kepada pekebun kecil kerana hasil keluaran mereka adalah bermutu tinggi. Pihak Kilang turut menggalakkan banyak lagi kuantiti dapat dihasilkan kerana getah crepe telah dapat mengurangkan risiko bacaan KGK yang tidak tepat serta tiada pencemaran.

RISDA menubuhkan Pusat Memproses Getah Crepe (PMGC) untuk memproses getah skrap pekebun kecil untuk dijadikan getah crepe. Faedah Penubuhan PMGC adalah seperti berikut:

- i. Dapat menawarkan harga skrap yang lebih tinggi kepada pekebun kecil berbanding pembeli tempatan.
- ii. Memendekkan rangkaian pemasaran dengan jualan terus ke kilang SMR
- iii. Menambah nilai kepada hasil produk pekebun kecil

15

- iv. Membolehkan hasil dipasarkan secara bersistem dengan mutu yang lebih tinggi.
- v. Memberi rebat kuantiti dan kualiti kepada pelanggan dalam bentuk tunai atau barangan
- vi. Menambahkan bilangan usahawan terlibat dalam industri pemasaran getah di kalangan bumiputera
- vii. Menjadi tempat rujukan pekebun kecil bagi mendapatkan maklumat harga dan keadaan pasaran semasa
- viii. Memberi peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan kepada penduduk tempatan

16



- ix. Mengurangkan kos pengangkutan kerana kandungan air rendah (25%) berbanding getah skrap (45%), nipis dan boleh dilipat serta muatan lebih banyak dalam lori.

Pengusaha PMGC adalah Koperasi Pekebun Kecil Daerah, RISDA Plantation Adn Bhd atau Usahawan Tempatan. Sebuah PMGC telah dilaksanakan di bawah peruntukan R & D di Kg. Melayu Raya, Segamat. Pusat ini telah mula beroperasi pada penghujung bulan April 2009 dan telah memberi harga 10 sen/kg lebih dari pembeli tempatan kepada pekebun kecil

17

setempat. Manakala bagi dealers pula mereka mendapat KGK dan kadar diskaun yang lebih tinggi. Pihak RISDA telah menerima sebanyak 14 permohonan bagi pembinaan PMGC di seluruh negara bagi tahun 2009. Setakat ini, 6 buah PMGC baru diluluskan setelah mereka memenuhi pra-syarat yang dikehendaki bagi pembinaan PMGC. Senarai PMGC yang dilulus setakat ini adalah seperti berikut:

- x. Kg. Air Belaga, Machang, Kelantan
- xi. Kg. Bikan, Kulim, Kedah
- xii. Kg. Bendang Siam, Larut Matang, Perak

18

- xiii. Kg. Cikgu Ali, Padang Siding, Perlis
- xiv. Sg. Lencor, Kuala Lipis, Pahang
- xv. Kg. Ulu Renggol, Raub, Pahang

#### **4.0 SISTEM PENYAMPAIAN KEPADA PEKEBUN KECIL**

##### **Stor Baja Pusat**

Perkhidmatan bekalan baja kepada pekebun kecil merupakan satu perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh pekebun kecil. Setakat ini, RISDA telah mewujudkan 48 buah stor baja diseluruh negara untuk membekalkan baja kepada pekebun kecil. Untuk memastikan bekalan baja mencukupi untuk keperluan pekebun

kecil dan menepati masa yang diperlukan, RISDA akan membina Stor Baja Pusat yang berfungsi sebagai penimbal kepada stor-stor baja yang sedia ada supaya tidak timbul masalah dalam bekalan baja kepada pekebun kecil. Saya difahamkan oleh Ketua Pengarah RISDA bahawa RISDA telah pun mula bertindak ke atas perkara ini dan pada tahun ini, 5 buah Stor Baja Pusat akan di bina iatu di Bukit Perak, Kedah, Sungkai, Perak, Sekijang, Johor, Temerloh, Pahang dan satu lagi adalah di Gading Galoh, Kelantan.

## **5.0 PENGGUNAAN ICT – SISTEM E-TANAM SEMULA**

Sejajar dengan perkembangan sistem teknologi maklumat terkini, RISDA juga telah mengorak langkah dengan memperluaskan perkhidmatannya kepada pekebun kecil menerusi internet dengan membangunkan sistem e-Tanam Semula yang memudahkan pekebun kecil membuat permohonan menerusi internet. Sistem e-Tanam Semula ini dapat mempercepatkan pemprosesan permohonan Tanam Semula serta mempertingkatkan sistem penyampaian kepada pekebun kecil. Dengan adanya sistem ini juga, pekebun kecil dapat mengetahui status permohonan Tanam Semula secara online. Dengan ini saya menyarankan kepada

21

semua pekebun kecil supaya memanfaatkan sepenuhnya Medan Info Desa (MID) yang ada di kawasan Tuan-Tuan dan Puan-Puan dan melayari Laman Web RISDA untuk berurusan dengan RISDA.

## **6.0 PENUTUP**

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada RISDA Kedah khususnya Daerah Sik kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil . Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil Kedah untuk lebih maju lagi di

22

masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan produktiviti.

**Dengan ini, saya dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' merasmikan TSB RTP Padang Besar, Jeneri, Sik, Kedah pada hari ini.**

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.**